

Ruj Kami: (8.00)(01 00)96/1-3(53)

Tarikh 3 Oktober 1996

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah

Y.Bhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**PENJELASAN MENGENAI PELAKSANAAN PEKELILING-PEKELILING  
DAN SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN**

---

Dengan segala hormatnya, sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sejak kebelakangan ini, Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) mendapati kebanyakan Jabatan-Jabatan Persekutuan tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah diperturunkan di dalam Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan seperti berikut:

2.1. **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1992**

"Kadar-kadar dan Syarat-syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran Kepada Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Kecuali Berkursus) Tetapi Tidak Termasuk Anggota Tentera dan Anggota Polis"

\* Dibaca bersama Surat Pekeliling Perbendaharaan 17/95

*"Peraturan Mengenai Tuntutan Elaun Makan Di Bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/92 (Awam) Dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/92 (Polis)"*

2.4. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 1993

“Peraturan Mengenai Keraian Rasmi”.

2.5. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1995

“Peraturan Mengenai Kadar-kadar dan Syarat-syarat Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/Penceramah Sambilan”.

3. Kelima-lima Pekeliling berkenaan telah menyatakan syarat dan kadar bagi sesuatu perbelanjaan dengan jelas. Walau bagaimanapun, masih terdapat jabatan-jabatan yang mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kelulusan PMS sebelum membuat perbelanjaan. Amalan tersebut perlulah dihentikan.

4. Ketua-Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua perbelanjaan dibuat mengikut syarat dan kadar yang ditetapkan dalam Pekeliling-Pekeliling berkenaan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 4.1. Perbelanjaan hanya bagi perkara-perkara yang dibenarkan didalam Pekeliling-Pekeliling berkenaan sahaja.
- 4.2. Semua Ketua-Ketua Jabatan perlulah memastikan peruntukan tahun semasa mencukupi sebelum sesuatu perbelanjaan dibuat.
- 4.3. Perbelanjaan ini hanyalah yang melibatkan pegawai/kakitangan Kerajaan sahaja. Sekiranya melibatkan golongan lain seperti orang awam, perlulah merujuk ke PMS untuk mendapatkan kelulusan khas terlebih dahulu.


- (ii) Perolehan kenderaan tidak perlu bagi projek yang lokasinya dalam kawasan bandar di mana terletaknya pejabat Pegawai Pengawas Projek. Dengan itu, kos perolehan kenderaan tidak termasuk di dalam "Bill Of Quantity" bagi projek-projek di kawasan bandar.
- (iii) Penggunaan kenderaan projek hendaklah diuruskan dengan teratur dan tidak disalahgunakan.

4. Di atas kerjasama Y. Bhg. Datuk/Tuan di dalam perkara ini serta mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan diucapkan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



( ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI )  
Pegawai Kewangan Persekutuan,  
Sabah.

ARR/AMA/ahs.